

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 10, 2019 10:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelantikan Ketua Pengarang Jurnal UUM Yang Baharu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 JULAI 2019 / 07 ZULKAEDAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PELANTIKAN KETUA PENGARANG JURNAL UUM YANG BAHARU



UUM ONLINE: Tiga jurnal Universiti Utara Malaysia menerima ketua pengarang baharu dalam majlis serahan tugas ketua pengarang Jurnal Universiti Utara Malaysia dan jamuan raya UUM Press, baru-baru ini.

Majlis serahan tugas ketua pengarang jurnal ini melibatkan tiga buah jurnal iaitu *International Journal of Management Studies* (IJMS), *Malaysian Management Journal* (MMJ) dan *Journal of International Studies* (JIS).

Pengarah UUM Press, Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad berkata, pelantikan ini masing-masing bagi menggantikan Prof. Dr. Sobri Minai yang telah bersara, Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail yang akan bersara dan Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman yang dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS) dan Penolong Naib Canselor UUM COLGIS.

Ketua pengarang baharu yang dilantik adalah Prof. Dr. Khulida Kirana Yahya bagi jurnal IJMS, Prof. Dr. Sallahudin Hassan bagi jurnal MMJ dan Prof. Madya Dr. Ratnaria Wahid bagi jurnal JIS.

“Terima kasih kepada semua ketua pengarang yang telah menabur khidmat bakti membangunkan jurnal universiti dan tahniah diucapkan kepada ketua pengarang baharu yang dilantik.

Ujarnya, UUM mempunyai 17 jurnal secara keseluruhannya dan 7 jurnal diurus terbit oleh UUM Press.

Jelasnya, *International Journal of Management Studies* (IJMS) dan *Malaysian Management Journal* (MMJ) adalah dua jurnal pelopor diterbitkan di UUM. IJMS pada awal penerbitannya dikenali sebagai ANALISIS pada 1986 dan berubah nama kepada *International Journal of Management Studies* pada tahun 2004.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, ketua-ketua pengarang jurnal UUM dan ahli sidang pengarang jurnal UUM turut menyaksikan Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail menyerahkan nota serahan tugas kepada Prof. Dr. Sallahudin Hassan.

Manakala Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad mewakili Prof. Dr. Sobri Minai dan Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman menyerahkan nota serahan tugas kepada Prof. Dr. Khulida Kirana Yahya dan Prof. Madya Dr. Ratnaria Wahid.

Seterusnya Prof. Dr. Ayoib menyampaikan sijil penghargaan kepada mantan Ketua Pengarang MMJ, Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail. Sijil penghargaan turut disampaikan kepada lapan orang staf pasukan editorial buku UUM Press yang mendapat pengiktirafan dalam Anugerah MAPIM-KPM 2018 dan Anugerah Buku Negara 2018.

Tiga buku berkenaan ialah Sejarah Tarekat: Pertumbuhan dan Penyebaran Di Dunia Islam (Hadiah Penghargaan Buku Ilmiah Terbaik dan Buku Ilmiah Terbaik Kategori Pengajian Islam), Tumbuhan Ketum di Malaysia: Cabaran dan Prospek (Penilaian markah tertinggi Kategori Editor Naskhah Terbaik) dan Busana Tradisional Negeri Sembilan (Hadiah Penyuntingan Terbaik).



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.